

# Terjah depoh pasir haram bongkar pelbagai rahsia

**JALANKEBUN NENAS**- Jalan rosak, kacau ganggu daripada habuk dan debu pasir dan paling memeranjatkan, tempat penyimpanan pasir yang mula beroperasi sejak 2010 itu tidak pernah mempunyai kebenaran daripada pihak berkuasa.

Lebih mengejutkan, rata-rata lori pasir yang keluar masuk adalah dari luar Selangor dan mereka (pemandu) ada kalanya tersesat hingga ke Jalan Bandar Putera sekali gus merosakkan sebahagian jalan di situ.

Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), Azmizam Zaman Huri yang melakukan lawatan 'terjah' bersama Pasukan Tindakan Segera (Pantas) MPK turut menjumpai sebuah lagi lokasi yang dijadikan tapak pembuangan sampah haram oleh individu terlibat.

Menurutnya, isu ini perlu diberi perhatian serius dan semua pihak terutamanya Pejabat Tanah dan Daerah Klang harus membuka mata dengan apa yang berlaku agar tidak mendatangkan ancaman kepada penduduk sekitar.

"Malah perkara ini jika dibiarkan berterusan bakal menimbulkan persepsi negatif terhadap majlis dan kerajaan negeri yang begitu komited dalam membanteras sebarang aktiviti haram seperti ini," katanya.

Azmizam berkata, MPK telah mengarahkan pihak bertanggungjawab untuk mengosongkan dan memberhentikan aktiviti pengusahaan pasir di atas tanah lot walaupun terdapat rayuan daripada mereka (pengusaha) sebelum ini.

Beliau berkata, pihak Majlis tidak pernah mengeluarkan Kebenaran Merancang atas alasan pencemaran, kerosakan dan kacau ganggu kepada persekitaran dan tindakan di bawah Akta 172 juga telah dilakukan di kawasan itu.


## MPK terpaksa keluaran kos baiki jalan rosak.

Kegiatan lori pasir di situ telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada sebahagian Jalan Bandar Putera dan menyebabkan Majlis terpaksa menanggung kerugian apabila terpaksa membaiki kerosakan yang berlaku.

Azmizam berkata, keadaan itu berlaku apabila ada sebahagian pemandu dari luar yang tersesat masuk hingga ke kawasan perumahan terutama pada waktu malam dan menjadi punca kerosakan jalan di situ.

Menurutnya, keadaan bertambah kritikal apabila waktu malam kerana penduduk juga menanggung risiko 'berhadapan' dengan lori-lori pasir yang dipandu laju bagi mengelak pihak berkuasa menghidu kegiatan mereka.

"Saya minta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD),



Penyelia depoh turut kelihatan ketika lawatan dilakukan.



Kerosakan jalan makin kritikal di lokasi.



Jalan yang baharu diturap kembali rosak selepas dilalui lori pasir.


Jabatan Pengangkutan Jalan (JPI) dan Polis dapat memantau lori-lori pasir ini kerana ada di antaranya dipandu warga asing.

"Malah muatan yang dibawa juga berlebihan dan merosakkan jalan sekitar perumahan di samping kesalahan lalu lintas yang membuatkan penduduk berasa gusar apabila bertembung dengan lori-lori pasir ini," katanya.

Azmizam berkata, lebih mengejutkan apabila wujudnya tapak

pembuangan sampah haram berhampiran lokasi di situ dan ia telah menimbulkan masalah terhadap persekitaran termasuk bau busuk, lalat dan ancaman kesihatan terhadap penduduk sekitar.

Menurutnya, isu berkenaan juga telah mendapat perhatian Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie yang mahu kan masalah ini diselesaikan dengan kadar segera agar tidak berlanjutan seterusnya membawa ancaman kepada masyarakat setempat.



Azmizam melakukan tinjauan sekitar depoh penyimpanan pasir.



Pemandu lori pasir meninggalkan kenderaan masing-masing apabila menyedari kehadiran Azmizam bersama Pasukan Pantas MPK.



Tapak pembuangan sampah haram bersebelahan depoh penyimpanan pasir.